

KATA ALU-ALUAN DARIPADA
PENGERUSI TERTINGGI HARI ULANG TAHUN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE 56 TAHUN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warah Matullah Hi Wabaraktuh,

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan Pencipta Alam dan sekalian isi di dalamnya, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia serta lagi jujur dalam menegakkan syiar Islam hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah syukur ke atas Hadrat Illahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi Majlis Penyerahan Poster Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 56 tahun. Pada tahun ini tema sambutan adalah "Bersama Menjayakan Wawasan Negara 2035" yang mana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memainkan peranan yang utama lagi penting dalam memperkasa keselamatan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Tema sambutan HUT ABDB Ke-56 pada tahun ini adalah '**Bersama Menjayakan Wawasan Negara**'. Tema ini selaras dengan tema hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam iaitu "Menjayakan Wawasan Negara".

Tema ini bertepatan dengan peranan ABDB, iaitu mendokong kemajuan dan pembangunan negara secara holistik, dengan memastikan persekitaran yang aman dan damai melalui pertahanan dan sekuriti yang jitu.

Tema ini adalah ikrar ABDB di dalam komitmennya terhadap wawasan negara, di dalam misi bagi mencapai matlamat negara yang lebih besar. Merealisasikan aspirasi ini, ABDB akan terus memperkembang serta mempertingkatkan kapasiti dan kemampuan warganya, melalui peningkatan kemahiran profesionalisme yang lebih berkualiti dan sekaligus memertabatkan kewibawaan ABDB.

Sebagai manifestasi tema ini, ABDB adalah tonggak pertahanan dan keselamatan negara, agen dan pemangkin terhadap perpaduan serta integrasi antara agensi-agensi keselamatan negara bagi memantapkan kestabilan dan keamanan negara serta pada masa yang sama menyumbang kepada kesejahteraan serantau dan antarabangsa. Bersandarkan tema ini, ABDB akan terus mempersiapkan diri dari semua aspek pertahanan lebih-lebih lagi dalam mempertingkatkan hubungan diplomasi pertahanan agar ianya senantiasa relevan seiring dengan wawasan negara.

Dari itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan kepada semua wakil-wakil kementerian dan angkatan-angkatan tentera agar dapat sama-sama membantu memberigakan atau memaklumkan kepada ahli keluarga serta orang awam mengenai sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan diadakan pada 17 September 2017 bertempat di Pangkalan Tentea Laut Diraja Brunei. Apa yang diharapkan daripada poster-poster ini, ia dapat dipamerkan di sekolah-sekolah, institusi - institusi pengajian tinggi, bangunan-bangunan kerajaan, swasta dan awam. Dengan yang sedemikian, info-info atau maklumat-maklumat yang tepat mengenai sambutan tersebut dapat diketahui umum, selain daripada memberigakannya melalui laman media sosial.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil-wakil kementerian dan angkatan-angkatan tentera kerana sudi meluangkan masa dan berkesempatan hadir ke majlis pada petang ini dan juga saya amat menghargai usaha-usaha abiskita dalam sama membarigakan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 56.

Akhirnya, syabas diucapkan kepada seluruh warga Pejabat Perhubungan Awam dan Urusetia Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di atas masa dan tenaga yang telah disumbangkan dalam menjayakan majlis ini. Di doakan agar segala sokongan dan pengorbanan yang diberikan akan mendapat berkat, rahmat, redha dan akan sentiasa di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian terima kasih.